



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MAKLUM BALAS JAWAPAN SIARAN MEDIA DALAM TALIAN *MALAYSIA KINI* BERHUBUNG “URUS NIAGA JUTAAN RINGGIT DARI PENIPUAN PERMOHONAN KUOTA PEKERJA ASING”

1. Kementerian Sumber Manusia mengambil maklum mengenai kes kematian perekrut warga Nepal. Berhubung dengan kes ini, KSM tidak dapat memberi sebarang respon kerana kes ini dibawah siasatan pihak polis.
2. Namun, Kementerian akan membantu pekerja asing warga Nepal dan Bangladesh yang mengalami masalah akibat majikan menyalahgunaan kuota dan majikan baru akan disaring oleh Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Imigresen sebelum pekerja itu diserahkan kepada mereka.
3. JTKSM juga giat menjalankan operasi untuk menyelamatkan pekerja yang menjadi mangsa kes penipuan oleh agen atau majikan. Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dan mengambil tindakan tegas terhadap majikan yang gagal mematuhi undang-undang buruh dan imigresen serta sebarang aktiviti penipuan yang dilakukan majikan oleh
4. Kerajaan memandang serius terhadap isu ini dan perkembangan berhubung isu akan dikemukakan kepada pihak media setelah siasatan selesai dijalankan.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
21 NOVEMBER 2023**